



Sumber: Melaka Hari Ini

ISU



JPA juga akan menggubal dasar berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia berteraskan urus tadbir cekap

Zainal Rahim Seman,
Ketua Pengarah Jabatan
Perkhidmatan Awam (JPA)



(FOTO HSIAMON)

Menjelang Genap 100 Hari Perkhidmatan Ketua Pengarah JPA

1.6 juta penjawat awam Malaysia jumlah munasabah

JPA gubal dasar bagi pembangunan kompetensi dan kemahiran digital penjawat awam.

Bilangan kakitangan sedia ada ikut keperluan Perlembagaan Persekutuan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
shahrul@bh.com.my

■ Putrajaya

Jumlah 1.6 juta penjawat awam di negara ini adalah munasabah dengan nisbah seorang penjawat awam kepada 19 penduduk, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Zainal Rahim Seman.

Beliau berkata, terjemahan penjawat awam di negara ini adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan, iaitu rangkuman sektor perkhidmatan kesihatan (dokter dan jurawat), keselamatan (tertera dan polis) serta pendidikan (guru).

Merujuk laporan The Edge Market kononnya emolumen kerajaan akan meningkat kepada kira-kira RM184 bilion pada 2027 berbanding RM77.42 bilion tahun ini kerana penjawat awam ramai, beliau berkata, tidak adil membandingkan nisbah di Malaysia

dengan negara lain. "Negara lain tidak merangkumkan tenaga kerja dalam tiga sektor berkenaan (kesihatan, keselamatan, pendidikan) sebagai penjawat awam."

"Nisbah penjawat awam kepada 30.9 juta rakyat kita adalah 1:19," katanya.

Di beberapa negara maju, katanya, nisbah penjawat awam tidak banyak berbeza, malah lebih tinggi jika turut merangkumkan tiga sektor itu dengan United Kingdom (UK) pada 1:18, Amerika Syarikat (AS) 1:14, Australia 1:12 dan New Zealand 1:13.

Ikut keperluan

"Jika tiga sektor itu tidak dirangkumkan sebagai penjawat awam seperti di UK, AS dan Australia, nisbah di negara kita adalah 1:44. Ini menunjukkan jumlah sedia ada munasabah dan mengikut keperluan Perlembagaan Persekutuan," katanya, semalam.

Bercakap pada sidang media menjelang genap 100 hari perkhidmatannya pada 25 April ini, katanya, keseluruhan kakitangan tiga sektor itu di Malaysia sehingga 31 Mac lalu, 917,210 orang atau 57 peratus daripada keseluruhan penjawat awam.

Sementara itu, beliau berkata, pelaksanaan Dasar Pemisah sudah mengenal pasti 1,250 penjawat awam berprestasi rendah, termasuk 701 yang kini mengikuti proses pemulihan dalam tempoh setahun untuk memperbaiki prestasi kerja.

"Jika masih tidak capai

prestasi ditetapkan, tindakan buang kerja akan ditentukan hujung tahun ini," kata Zainal yang turut menyentuh isu integriti dalam kalangan penjawat awam.

Beliau berkata, integriti merangkumi semua aspek, bukan sahaja berkaitan rasuah, malah lebih luas membabitkan etika kerja dan pematuhan kepada aka jaji yang dilafatkan penjawat awam.

Zainal turut mengumumkan, JPA sedang merangka Pelan Induk Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam 2050, menggariskan keapakan, kemahiran dikehendaki dalam perkhidmatan awam menjelang 2050.

Perkasa SUPREME

Katanya, pelan tindakan yang menyenaraikan program seperti Pengurusan Bakti 2017-2050 pula terus diperkasa melalui Unit Pengurusan Bakti (SUPREME), kumpulan pakar dan program latihan pantas bagi pegawai berprestasi tinggi.

"JPA juga akan menggubal dasar berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia berteraskan urus tadbir cekap selain meneruskan program pendigitalan sektor awam dengan suntikan elemen baharu dan terkini.

"Elemen baharu dan terkini menyasarkan pembangunan kompetensi dan kemahiran digital penjawat awam dalam pembudayaan Kerajaan Digital," katanya.

FINTech HACKS

Memandangkan era ini penuh dengan teknologi, adakah terdapat aplikasi yang memudahkan anda menguruskan perniagaan anda dengan mudah?

Saya berharap terdapat satu platform yang menggabungkan bil-bil saya untuk memudahkan pengurusan dan pembayaran serta pengurusan akaun yang lebih baik.

Saya berharap dapat menambah nilai Touch N Go dan kad perkhidmatan yang dihubungkan dengan kad debit atau kad kredit saya.

Berkongsilah dengan kami mengenai cara yang lebih bijak untuk menambah baik perkhidmatan kewangan melalui teknologi.

Kita semua akan mendapat faedah daripada perkhidmatan kewangan yang cekap, mudah dan mampu bayar. Jika anda mempunyai idea bernas mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh teknologi, hantarkan kepada kami.

Jadilah pencetus perubahan. Kami sedia mendengarnya.

HANTARKAN IDEA ANDA MELALUI:

www.myFTEG.com @fintechhacks

FTEG Financial Technology Ecosystem Group

BANK NEGARA MALAYSIA Bank Negara Malaysia